



f t i y r p

Selasa, 22 Jun 2021, 11:41am

Waktu Solat Kuala Lumpur : Zohor 1:19

PM

Cari kata kunci



## WHO digesa minta dunia iktiraf semua vaksin: Khairy [METROTV]

BERNAMA



BOTOL vaksin Covid-19 yang digunakan jururawat ketika melakukan proses suntikan vaksin di Kuala Terengganu, kelmarin. FOTO Ghazali Kori

Kuala Lumpur: Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) digesa untuk meminta seluruh negara mengiktiraf semua jenis vaksin Covid-19 yang disenarai WHO, kata Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, panduan WHO perlu dijadikan rujukan setiap negara memandangkan setiap vaksin yang disyorkan badan itu bertujuan untuk kegunaan kecemasan dalam menangani wabak Covid-19.

Trending



Geng kongsi gelap langgar SOP dicekup



Bertahan 123 hari saja



Bekas menteri ditahan atas dakwaan robol pelakon kelahiran Malaysia



'Nak kurus macam saya, kena periksa darah dulu' - Shima



Anang positif, isu hutang keluarga besan...

Katanya, sekiranya seluruh dunia mengiktiraf semua vaksin Covid-19, isu diskriminasi terhadap jenis vaksin yang diguna pakai tidak akan timbul.

Jelasnya, Kesatuan Eropah ketika ini hanya menerima vaksin jenis Pfizer dan AstraZeneca manakala China hanya meluluskan vaksin buatan negara tersebut iaitu Sinovac dan Sinopharm.

"Persoalannya sama ada negara di seluruh dunia akan bersetuju untuk menerima semua vaksin yang telah mendapat kelulusan WHO bagi kegunaan kecemasan. Atau sama ada negara di seluruh dunia menerima semua vaksin."

"WHO perlu tingkatkan lagi usaha dan meminta semua negara di dunia untuk mengiktiraf vaksin yang telah disenaraikan WHO. Jika tidak ada negara yang lakukan diskriminasi berdasarkan vaksin yang diberi dan itu bukan cara untuk keluar daripada pandemik ini bersama-sama," katanya selepas meninjau hari pertama Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Stadium Nasional Bukit Jalil di sini, hari ini.

Dalam pada itu, Khairy berkata, pengoperasian penuh iaitu 10,000 suntikan sehari di PPV itu dijangka akan tercapai kurang dua minggu lagi dengan 3,000 suntikan diberikan hari ini.

Menurut beliau, peningkatan kepada 5,000 suntikan dos sehari akan diberikan dalam tempoh tiga hari.

Sementara itu, beliau berkata, golongan pelarian akan disuntik vaksin jenis CanSino yang bakal diterima akhir Julai ini memandangkan ia melibatkan satu dos sahaja.

"Untuk golongan pelarian senang kita bagi satu dos kerana susah bagi dua dos sebab sifat komuniti pelarian di sini, sukar untuk akses. CanSino kita dah runding, kita akan terima akhir Julai," katanya.

**Vaksin CanSino satu dos guna untuk g...**



Mutakhir



[Maqis tahan 98.4 tan makanan tambahan haiwan](#)



[Segerakan program imunisasi berkelompok untuk penggiat industri kreatif](#)




[Masuk hutan untuk suntik vaksin](#)



[Wanita 100 tahun antara penerima pertama vaksin di PPV Sook](#)



[Kakitangan pelantar minyak cetus Kluster Samedra](#)



[Trek balapan bertukar wajah](#)

- [Lagi berita berkaitan Covid-19](#)

Disiarkan pada: Jun 21, 2021 @ 4:59pm

MyResipi

## Artikel Berkaitan

**MUTAKHIR****Vaksin CanSino untuk Kelantan, kawasan pedalaman [METROTV]****MUTAKHIR****Terima 37 juta dos vaksin September ini****Musim Durian Datang Lagi, Jom Cuba Petua Hilangkan Bau Durian & Kurangkan Panas Badan!****Dah Jemu Makan Roti Kosong? Jom Cuba Resepi Cucur Roti Gardenia, Rangup Di Luar Tapi Lembut Di Dalam****Nak Masukkan Buah Pelaga Dalam Masakan Tapi Tak Tahu Cara Yang Betul? Jom Cuba Tips Ini****MUTAKHIR****Kelantan pertimbang CanSino untuk banduan, tahanan imigresen****MUTAKHIR****Khairy nafi pengasingan ikut agama, kaum dalam program vaksinasi****Hanya Guna Puff Pastri, Ini Resepi Tat Telur Portugis Ala Bakers Cottage!****Petua Menghasilkan Kuih Bom Inti Kacang Yang Cantik & Tidak Meletup Semasa Digoreng**

## Disyorkan untuk anda

Iklan oleh

**Malay 7 gre...**

Australia.com

**A Former Ambassador's Mansion in...**

Mansion Global

**Discover Luxury Retirement Homes Near...**

Senior Living | Search ...

**15 Pairs Of Celebs With Crazy...**

Parentsdome Galleries

**'Wonder Years' Producer Lists Long-Time...**

Mansion Global

**Shah Alam: I was surprised when I saw the actual...**

Stair Lift | Sponsored ...

**Your IQ Is 142 If You Get 15/20 On This Genera...**

TooCool2BeTrue

**Why Is This \$47 Monocular Better Than A \$3000...**

tech4-you.com

© 2021 Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd.  
A part of Media Prima Group.

Hubungi Kami

Team myMetro

RSS Feed

Utama

Mutakhir

Global

Akademia

#ITMetro

Ku Bela

Addin

Rencana

Sihat

[Disclaimer](#)  
[Notis Perlindungan](#)  
[Data Peribadi](#)[Arena](#)  
[Rap/Rapxtra](#)  
[Bisnes](#)  
[MetroTV](#)[Santai](#)  
[P&P](#)  
[Dekotaman](#)  
[WM](#)[Xpresi](#)  
[Vroom](#)  
[Galeri](#)  
[Infografik](#)